

## RUU GEG tidak jejas ekonomi negara

**SHAH ALAM** - Rang Undang-Undang (RUU) Generasi Penamat Rokok (GEG) tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Pakar Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Wency Bui Kher Thinng berkata, RUU tersebut hanya sekadar memastikan aktiviti penjualan rokok ataupun vape terkawal.

Jelasnya, ekonomi negara juga tidak bergantung sepenuhnya kepada aktiviti berkenaan.

"Perkara (RUU) ini juga untuk memastikan ke-

selamatan generasi kita daripada terdedah kepada bahaya yang ada dalam barangan berkenaan. Difahamkan ramai anak muda yang menggunakannya," katanya.

Wency berkata demikian ketika Wacana Sinar ke-399 bertajuk Generasi Penamat Rokok-Daripada Tiga Perspektif pada Selasa.

Tambah Wency, RUU itu secara tidak langsung akan memberi kesan baik kepada ekonomi pada masa akan datang.